

Penduduk puji tindakan JPS

SITI KHAIRULNISAH MOHAMMED BAJURI
29 Disember 2014



Tindakan yang diambil JPS membaik pulih ban dengan cepat menghentikan aliran air yang melintasi ban tersebut.

SUNGAI MANIK - Tindakan pantas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hilir Perak mengatasi masalah ban rebak di Parit 12, Kampung Kunci Air 4, selepas kawasan itu dilintasi air dari limpahan Sungai Perak, kelmarin mengelakkan rumah penduduk dimasuki air.

Ketua Kampung Kunci Air 4, Adnan Abu berkata, Ban Sengkuh di Parit 12 itu dilintasi air selepas paras air Sungai Perak naik mendadak akibat banjir di sekitar Kampung Gajah, Perak Tengah.

Menurutnya, walaupun ban dilintasi air, setakat semalam, tiada rumah penduduk di kawasannya dilanda banjir.

"Aduan telah dibuat kepada JPS Hilir Perak mengenai kejadian itu dan mereka memperbaiki ban tersebut pada petang semalam (kelmarin).

"Kerja-kerja membaiki ban berkenaan dilakukan kontraktor dilantik dengan mengorek, menambak dan mengisi pasir dalam guni sehingga siap," katanya kepada Sinar Harian, di sini, semalam.

Adnan berkata, setakat ini, tiada rumah penduduk di kawasannya dilanda banjir ketika ban dilintasi air akibat limpahan berkenaan.

Jelasnya, walaupun sering hujan, keadaan di kawasannya dilanda banjir dan tindakan JPS Hilir Perak membaik pulih dengan segera dipuji kerana dapat mengelakkan rumah penduduk dimasuki air akibat limpahan air Sungai Perak.